

Persepsi dan Pengaruh Arab Spring terhadap Gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia

Perceptions and Influences of the Arab Spring towards the Malaysian Islamic Youth Movement

MOHD IRWAN SYAZLI SAIDIN

ABSTRAK

Sejak penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) seawal 1970an, ABIM sememangnya cakna terhadap isu-isu global di Timur Tengah, bermula daripada peristiwa Perang Arab-Israel 1973, Revolusi Iran 1979 dan seterusnya kepada peristiwa kebangkitan rakyat Arab 2011. Namun demikian, timbul polemik negatif di media sosial berhubung kaitan di antara Arab Spring dengan gerakan Islam di Malaysia setelah berlaku beberapa insiden bantahan awam dan protes politik (Bersih) yang melibatkan ahli-ahli gerakan Islam termasuk ABIM sekitar 2011-2015. Kebimbangan berhubung isu di atas telah disuarakan oleh pihak kerajaan namun sejauh mana perkaitan di antara Arab Spring dengan gerakan Islam di Malaysia, khususnya ABIM masih belum terjawab. Justeru, artikel ini meninjau persepsi ahli gerakan ABIM terhadap fenomena Arab Spring di Timur Tengah dan Afrika Utara yang meletus pada awal 2011. Di samping itu, pengaruh daripada peristiwa ini terhadap isu demokrasi, kestabilan politik dan kesederhanaan (wasatiyyah) dari kaca mata aktivis ABIM turut dinilai. Kajian dilakukan menerusi pendekatan kuantitatif yang melibatkan tinjauan soal selidik terhadap 80 ahli-ahli berdaftar dan aktif ABIM. Selain itu, temu bual bersemuka turut dilaksanakan terhadap pimpinan dan aktivis terpilih ABIM di sekitar Selangor dan Perak. Dapatan kajian mendedahkan bahawa kesemua 80 aktivis terpilih ABIM peka terhadap peristiwa Arab Spring dengan tanggapan bahawa ianya merupakan suatu revolusi politik yang menyeluruh terhadap kediktatoran pemimpin kuku besi di negara-negara Arab yang terlibat. Pasca peristiwa Arab Spring turut mempengaruhi responden dari sudut penerimaan terhadap pilihan raya dan demokrasi sebagai medium terbaik untuk menentukan percaturan politik negara di samping pandangan terhadap isu kesederhanaan dan kestabilan politik serantau.

Kata kunci: Arab Spring; Angkatan Belia Islam Malaysia; demokrasi; kestabilan politik; kesederhanaan

ABSTRACT

Since the establishment of the Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) in 1970s as one of the prominent Islamic movements in Malaysia, ABIM regularly pays attention on the global issues in the Middle East, stretching from the event of 1973 Arab-Israeli War and 1979 Iranian Revolution up to the 2011 Arab Uprisings. However, negative polemics emerged in social media regarding the connection between the Arab Spring and Islamist movements in Malaysia after several incidents of civil resistance and political protest (Bersih) which involved Islamist movements' members, including ABIM occurred circa 2011-2015. The government has voiced out their concern over the issue. However, the extent to which the connection between the Arab Spring and Islamist movements in Malaysia, specifically ABIM remain unanswered. Therefore, this article explores the perceptions of ABIM members toward the Arab Spring phenomenon which occurred in early 2011. The research was conducted through a quantitative approach which involved a questionnaire-based survey on 80 registered and active ABIM members. Besides that, face-to-face interviews with selected ABIM's leadership were also conducted in Selangor and Perak. The findings reveal that all 80 members of selected ABIM's activists were attentive on the existence of the Arab Spring events with a view that it was a total political revolution against the dictatorship of Arab rulers. The post-Arab Spring events have also influenced the respondents' attitude towards the acceptance of election and democracy as the best medium to determine the country's leadership along with a view on moderation issues and regional political stability.

Keywords: Arab Spring; The Muslim Youth Movement of Malaysia; democracy; political stability; moderation

PENGENALAN

Artikel ini meninjau secara empirikal persepsi aktivis ABIM terhadap peristiwa Arab Spring yang telah berlaku di Timur Tengah dan Afrika Utara pada penghujung 2010. Dengan mengaplikasikan kaedah *Explanatory Sequential Mixed Methods* oleh Creswell (2014), kajian ini juga menganalisis secara komprehensif kesan dan pengaruh daripada peristiwa Arab Spring terhadap pandangan aktivis ABIM berhubung isu demokrasi, kestabilan politik dan amalan politik wasatiyyah. Pemilihan ABIM sebagai kajian kes adalah disebabkan pengalaman gerakan ini yang menyaksikan secara dekat peristiwa kebangkitan rakyat di Timur Tengah, sebagai contoh Revolusi Iran 1979 di mana ianya telah memberi inspirasi dan keyakinan kepada ABIM untuk terus memperjuangkan agenda Islamisasi¹ di tanah air (Esposito & Piscatori 1990; Liow 2009). Hampir 30 tahun selepas tertubuhnya Republik Islam Iran hasil daripada gelombang kebangkitan rakyat, wilayah Asia Barat sekali lagi menjadi perhatian dunia dengan meletusnya fenomena Arab Spring. Menurut Osman Bakar (2012), peristiwa Arab Spring telah menarik minat sebilangan besar rakyat Malaysia yang terdiri daripada para pelajar universiti, ahli akademik, ahli politik, pembuat dasar, pihak kerajaan dan masyarakat awam untuk melihat perubahan positif terhadap hala tuju sosio-politik dunia Arab. Namun demikian, peristiwa ini telah menimbulkan polemik apabila beberapa insiden bantahan awam seperti siri Demonstrasi Bersih telah dikaitkan dengan unsur-unsur pengaruh Arab Spring di mana ia turut disertai oleh ahli-ahli gerakan Islam di Malaysia, termasuk ABIM². ABIM, menerusi bekas presidennya, Amdi Abd Manan berpandangan bahawa keperluan untuk menyertai demonstrasi Bersih adalah sebagai salah satu usaha untuk menyuarakan kemahuan memiliki masa depan yang lebih baik di Malaysia berikutan kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan politik yang berlaku di Malaysia³. Walau bagaimanapun, impak daripada peristiwa ini dikhuatiri berupaya mempengaruhi pemikiran ahli-ahli ABIM sebagaimana yang berlaku semasa pasca revolusi Iran sekitar 1980-an. Ditambah pula dengan kemenangan beberapa parti berhaluan Islam (cabang Ikhwanul Muslimin) pasca Arab Spring seperti *Ennahda* di Tunisia dan *Freedom and Justice Party* (FJP) di Mesir, hal ini menimbulkan persoalan bahawa gerakan Islam di Malaysia, dalam kes ini merujuk kepada

ABIM berkemungkinan terkesan dengan fenomena tersebut. Seperti kebanyakan parti dan gerakan Islam di Timur Tengah yang dipengaruhi kuat oleh model kepimpinan Ikhwanul Muslimin⁴, ABIM juga tidak terkecuali dalam menyebarkan luas pemikiran Hassan Al-Banna di Malaysia (Mohd Azhar & Ishak 2004). Menurut al-Anani (2012) dan pasca peristiwa Arab Spring telah menyumbang kepada kebangkitan semula parti-parti aliran Islamis di Timur Tengah di mana ia turut memberi kesan secara tidak langsung terhadap perkembangan politik Islam di rantau Asia Tenggara. Pandangan al-Anani disokong oleh Mandaville (2014: 369) yang menjelaskan bahawa;

“The success of Islamists in the wake of the 2010-2011 Arab Uprisings seemed to confirm the dominance of political Islam as a sociopolitical force in the Middle East. Combined with the rise of Islamist movements and parties in electoral politics across Southeast Asia, there seems to be strong evidence that religiously-based movements/parties have become a firm fixture in Muslim politics (in the post-Arab Spring)”

Oleh yang demikian, dalam mengkaji perkaitan di antara ABIM dengan fenomena Arab Spring, pengetahuan dan persepsi para aktivis ABIM terhadap fenomena ini perlu ditinjau terlebih dahulu di samping berbicara soal kemungkinan impak dan pengaruh Arab Spring kepada ahli-ahli gerakan ABIM. Berhubung pengaruh Arab Spring terhadap aktivis ABIM, tiga elemen utama yang ditinjau adalah kesan ke atas pandangan terhadap isu demokrasi, kestabilan politik dan amalan politik wasatiyyah. Perkara ini akan dikupas dengan lebih lanjut di dalam ruangan dapatan kajian.

FENOMENA ARAB SPRING DI TIMUR TENGAH DAN AFRIKA UTARA

Sehingga kajian ini dilakukan, hampir tujuh tahun telah berlalu sejak meletusnya peristiwa kebangkitan rakyat Arab, atau lebih dikenali dengan jolokan ‘*the Arab Spring*’⁵. Ianya bermula di sebuah perkampungan kecil di Sidi Bouazid, Tunisia apabila seorang pemuda bernama Muhammad Bouazizi telah membakar dirinya sebagai tindakan protes terhadap kekasaran pegawai penguat kuasa yang telah menyita gerai perniagaan kaki lima beliau. Setelah 18 hari menerima rawatan di hospital, Bouazizi akhirnya menemui ajal kesan daripada 90 peratus terbakar di seluruh tubuh badan beliau. Kematian beliau bukan

sahaja mendapat reaksi di dunia Arab malah hampir kepada seluruh masyarakat dunia menerusi sebaran berita dan gambar di media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*. Bantahan terhadap regim Ben Ali di Tunisia telah berlangsung selama 21 hari dengan laungan “*degage!*” di dalam bahasa Perancis yang bermaksud “sila letak jawatan”. Seumpama kesan domino, momentum bantahan awam ini seterusnya merebak dengan pantas ke hampir seluruh wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara. Seorang demi seorang pemimpin negara-negara Arab tumbang menerusi bantahan awam yang disifatkan sebagai kuasa baru rakyat. Ben Ali di Tunisia, Mubarak di Mesir, Gaddafi di Libya dan, Ali Abdullah Saleh di Yaman kesemuanya telah digulingkan hasil daripada ‘revolusi’ jalanan. Meskipun kematian Bouazizi dianggap sebagai pencucuh kepada api kemarahan rakyat terhadap kepemimpinan autokrasi di negara-negara Arab, terdapat beberapa faktor konkrit yang menjelaskan mengapa Arab Spring berlaku di Timur Tengah dan Afrika Utara. Kajian daripada Hinnebusch (2015), Ghanem (2016) dan Moaddel dan Gelfand (2017) mendedahkan elemen korupsi dan pemerintahan kuku besi yang begitu lama bertapak di Tunisia, Mesir, Libya, Algeria, Syria dan Maghribi sebagai punca kekecewaan dan kemarahan rakyat. Selain itu masalah pengangguran belia yang meruncing akibat ketidaktentuan ekonomi juga menyumbang kepada protes besar-besaran sehingga tertumbanginya regim Ben Ali, Mubarak dan Ali Abdullah Saleh (Gelvin 2012; Karakoç 2015). Ditambah pula dengan kehadiran media sosial baru seperti *facebook* dan *twitter*, ianya telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para demonstran untuk memastikan kelancaran protes dan ‘penaklukan’ kawasan-kawasan strategik seperti di Dataran Tahrir di Kaherah, Istana Presiden di Tunis. Maka, tidak hairanlah jika Arab Spring turut digelar sebagai ‘*Facebook Revolution*’ oleh pengkaji-pengkaji barat seperti Lotan et al. (2011), Marzouki et al. (2012) dan Howard dan Hussein (2013). Rata-rata sarjana politik Timur Tengah seperti Sadiki (2015) dan Cavatorta (2015) bersetuju bahawa peristiwa Arab Spring membuka lembaran baru dalam catatan sejarah Asia Barat apabila rakyat marhaen dalam skala besar mula menyuarakan bantahan secara terbuka terhadap kepemimpinan diktator dan kuku besi oleh pemerintah-pemerintah Arab.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah gabungan (*mix-method*) menerusi pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, tinjauan soal selidik merupakan instrumen tunggal yang diguna pakai melibatkan sampel kajian seramai 80 orang aktivis berdaftar ABIM. Berpandukan kepada jadual persampelan yang dikeluarkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), pemilihan 80 responden yang memenuhi kriteria (ahli ABIM aktif dan berdaftar) dikira memadai untuk mewakili sesebuah zona tau kawasan. Tiga kawasan tersebut adalah Lembah Kelang, Ipoh dan Taiping. Sensitiviti topik kajian ditambah dengan kekangan masa dan sumber kewangan telah membataskan kajian ini untuk mendapatkan jumlah responden yang lebih ramai di seluruh negara. Objektif utama pengedaran soal selidik adalah untuk meninjau persepsi responden terhadap fenomena Arab Spring di samping mengenal pasti impak dan pengaruh fenomena tersebut terhadap penerimaan demokrasi, kestabilan politik dan amalan politik wasatiyyah. Data daripada soal selidik kemudian dianalisis menggunakan bantuan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 24.0 menerusi statistik deskriptif yang melibatkan pilihan prosedur kekerapan dan tabulasi silang. Memandangkan kajian ini bersifat penerokaan (*exploratory studies*), maka tiada sebarang ujian daripada perisian SPSS digunakan ke atas data.

Kaedah kualitatif pula melibatkan temubual berstruktur secara bersemuka ke atas pimpinan dan ahli-ahli terpilih ABIM dalam usaha mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut berhubung persoalan kajian. Data daripada temu bual telah di rekod dan dianalisis menggunakan bantuan perisian NVivo untuk melihat trend maklum balas yang diberi oleh responden terhadap soalan-soalan temubual. Pemerhatian langsung turut dilaksanakan menerusi penyertaan penyelidik terhadap majlis-majlis rasmi ABIM yang menghimpunkan ribuan ahli pada satu-satu masa. Sebagai contoh adalah Muktamar Tahunan ABIM ke 45 di Shah Alam di mana isi kandungan ucapan dasar dan sesi pembentangan/forum oleh pemimpin tertinggi ABIM telah dicatat secara langsung. Pengumpulan bahan-bahan yang bersifat sekunder juga telah dijalankan menerusi carian atas talian dan juga di perpustakaan terpilih

di Malaysia dan United Kingdom seperti Koleksi Arab dan Tamadun Islam PTSL-UKM, Forum Library-University of Exeter, Collection of Arab World Documentation-IAIS Exeter University, dan Hartley Library-Southampton University. Perpustakaan di atas banyak membantu kajian ini mendapatkan maklumat bercetak berkaitan fenomena Arab Spring di Timur Tengah dan Afrika Utara dan juga informasi berkaitan sejarah ABIM.

DAPATAN KAJIAN

Di bahagian awal soal selidik, terdapat beberapa soalan yang melibatkan latar belakang responden seperti jantina, taraf pendidikan dan tempat pendidikan terakhir. Aspek-aspek ini penting sebagai nilai tambah untuk melihat perbezaan trend dan paten data khususnya graf palang bagi soalan-soalan utama kajian. Kesemua 80 responden yang menjawab soal selidik kajian adalah terdiri daripada ahli-ahli berdaftar ABIM yang aktif. Rata-rata responden memegang jawatan rasmi seperti Pengerusi Cawangan, Biro Pendidikan, Lajnah Dakwah, Penyelaras Komunikasi, Ketua Usrah dan sebagainya. Merujuk kepada Jadual 1 di bawah, dari segi perbezaan jantina, bilangan responden lelaki adalah seramai 47 orang manakala wanita adalah 33 orang.

JADUAL 1. Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	47	58.8
Perempuan	33	41.3
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Dari aspek latar belakang pendidikan, majoriti responden adalah para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi iaitu seramai 31 orang diikuti oleh kelayakan diploma dan pra-Universiti (22 orang) seterusnya pemegang Ijazah Sarjanamuda (15 orang), Sarjana (10) dan Doktor Falsafah (2 orang). Jadual 2 di bawah mencatatkan bilangan responden mengikut kategori tahap pendidikan.

JADUAL 2. Tahap Pendidikan Responden

Tahap pendidikan	Kekerapan	Peratusan
SPM	31	38.8
STPM/STAM/ Diploma	22	27.5
Ijazah Sarjana muda	15	18.8
Sarjana	10	12.5
Doktor Falsafah	2	2.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Lokasi pendidikan terakhir juga menunjukkan kerencaman apabila terdapat sekitar 14 peratus responden pernah melanjutkan pengajian di luar Malaysia antaranya di Mesir (seorang), Maghribi (4 orang), Australia (2 orang) dan negara-negara yang tidak dinyatakan (4 orang). Baki 86 peratus responden adalah mereka yang mendapat pendidikan terakhir di dalam negara. Jadual 3 di bawah memaparkan destinasi pengajian terakhir responden.

JADUAL 3. Lokasi Terakhir (Negara) Pendidikan Responden

Lokasi pengajian (negara)	Kekerapan	Peratusan
Malaysia	69	86.3
Mesir	1	1.3
Maghribi	4	5.0
Australia	2	2.5
Lain-lain	4	5.0
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP PERISTIWA ARAB SPRING

Istilah persepsi secara umumnya merujuk kepada kepekaan, tanggapan, bayangan, pandangan dan imaginasi terhadap alam dan kehidupan (Dewan Bahasa dan Pustaka 2017). Persepsi juga menjurus kepada sikap menerima dan menolak sesuatu perkara tanpa usul periksa. Dalam kes ini, penyelidik terlebih dahulu mengenal pasti pengetahuan responden berhubung peristiwa Arab Spring sebelum meninjau pandangan aktivis ABIM

terhadap peristiwa kebangkitan rakyat di Timur Tengah. Lima soalan utama yang menggunakan skala Likert dengan pilihan jawapan (Sangat Tidak Setuju; Tidak Setuju; Neutral/Tidak Pasti; Setuju; Sangat Setuju) telah diutarakan di dalam borang soal selidik.

PENGETAHUAN TERHADAP PERISTIWA ARAB SPRING

Soalan berikut telah dikemukakan kepada responden: “Adakah anda mengetahui peristiwa kebangkitan rakyat di negara-negara Arab (Arab Spring) yang bermula pada tahun 2011?” Kesemua 80 responden telah menjawab “Ya” menunjukkan bahawa aktivis ABIM mengetahui akan kewujudan peristiwa Arab Spring sekali gus mengukuhkan tanggapan bahawa ABIM sentiasa peka dan cakna terhadap isu-isu yang membabitkan majoriti umat Islam. Perkara ini telah dibangkitkan oleh presiden ABIM, Muhammad Raimi semasa sesi ucapan dasar muktamar ABIM ke-45 (2016) di mana beliau menegaskan bahawa ABIM sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan dan gerakan Islam yang progresif sentiasa peduli terhadap perkembangan politik global terutamanya yang membabitkan nasib ummah.

SUMBER MAKLUMAT PERISTIWA ARAB SPRING

Globalisasi dan arus kemodenan menjadikan dunia hari ini seolah-olah beroperasi tanpa sempadan. Hal ini juga menyebabkan aliran informasi berlaku dengan pantas, tanpa mengira masa dan lokasi. Perkara yang berlaku di kawasan terpencil, sebagai contoh di perkampungan Sidi Bouzid di Tunisia dapat diketahui oleh rakyat Malaysia dalam tempoh waktu yang singkat. Ketika disoal berhubung sumber maklumat peristiwa Arab Spring, majoriti responden iaitu seramai 70 orang bersetuju bahawa media sosial baru seperti *Facebook* dan *Twitter* telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan perkembangan kebangkitan rakyat di Tunisia, Mesir, Libya, Yaman dan Syria. Terdapat beberapa responden turut memainkan peranan berkongsi berita-berita berkaitan Arab Spring di laman sosial peribadi untuk tujuan rujukan dan sebaran maklumat kepada kenalan. Di samping itu, sebanyak 50 responden juga mengetahui peristiwa Arab Spring

menerusi siaran berita di kaca televisyen seperti di Astro Awani, Bernama, Radio Televisyen Malaysia dan Aljazeera. Memandangkan sebilangan besar responden merupakan lepasan universiti dan masih menuntut di institusi pengajian tinggi, informasi berkaitan Arab Spring turut didapati melalui pensyarah dan rakan-rakan menerusi forum, seminar, ceramah dan kuliah. Bahan bercetak seperti buku ilmiah dan majalah menjadi sumber kepada hampir 50 responden untuk mengakses maklumat berhubung fenomena Arab Spring. Hasil penulisan Profesor Tareq Ramadan (pensyarah bidang kontemporari Islam di Universiti Oxford) yang berjudul “*Islam and The Arab Awakening*” merupakan salah satu buku yang popular dalam kalangan aktivis ABIM sebagai sumber maklumat berhubung peristiwa Arab Spring. Hasil temu bual penyelidikan dengan responden mendedahkan bahawa buku ini turut dijadikan bahan di dalam beberapa siri usrah ABIM. Terdapat seorang responden menjadikan pengalaman peribadi sebagai sumber pengetahuan terhadap Arab Spring. Beliau sempat menyaksikan secara langsung bagaimana rakyat Mesir turun di jalanan selama beberapa minggu di sekitar Kaherah semasa menuntut di Universiti Al-Azhar pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, kesemua 10 sumber maklumat Arab Spring yang diperolehi responden telah direkodkan seperti yang tertera pada Jadual 4.

Kepelbagaian sumber ini menjadikan responden lebih terbuka untuk memahami fenomena Arab Spring dari sudut pandang dan perspektif yang berbeza. Untuk meninjau persepsi aktivis ABIM secara terperinci terhadap fenomena Arab Spring, soalan dan kenyataan berikut telah dihasilkan berpandukan kepada fakta-fakta yang dipersetujui oleh kebanyakan pakar politik Timur Tengah dan Afrika Utara.

ARAB SPRING SEBAGAI SUATU REVOLUSI POLITIK DI TIMUR TENGAH DAN AFRIKA UTARA

Revolusi secara umumnya ditakrifkan sebagai perubahan terutamanya dalam sistem pemerintahan, politik dan sosial sesebuah kerajaan atau negara melalui jalan kekerasan dan radikal. Perubahan yang dituntut pada kebiasaannya berlaku secara menyeluruh dan mendadak. Sejarah dunia menyaksikan beberapa revolusi besar pernah terjadi seperti Revolusi Amerika (1783),

JADUAL 4. Sumber Maklumat Berhubung Peristiwa Arab Spring oleh Responden

Sumber	Kekerapan	Peratusan
Televisyen	50	62.5
Surat Khabar	36	45.0
Internet/Media Sosial	70	87.5
Radio	12	15.0
Buku	22	27.5
Majalah	27	33.8
Risalah	20	25.0
Forum/Seminar/Ceramah Kuliah	42	52.5
Pensyarah/Guru/Rakan	40	50.0
Pengalaman peribadi	1	1.3

Sumber: Kajian lapangan 2016

Revolusi Perancis (1789), Revolusi Bolshevik di Russia (1917), Revolusi Iran (1979) dan beberapa siri bantahan awam di negara-negara di Amerika Latin dan Eropah Timur. Kesemua revolusi yang dinyatakan telah berjaya mengubah landskap politik dan sosial di negara-negara yang terbabit. Menurut Noueihed dan Warren (2012), peristiwa Arab Spring dilihat sebagai suatu revolusi di mana rakyat marhaen bangun menentang penguasa zalim dan autokratik sehingga berlakunya pertukaran pucuk pimpinan negara hasil dari bantahan awam secara besar-besaran. Pandangan beliau disokong oleh Abushouk (2016) yang juga merujuk kepada kebangkitan rakyat di dunia Arab sebagai “*The Arab Revolution*”. Di Tunisia, Mesir, Bahrain dan Maghribi, bantahan awam dianggap berlaku secara aman memandangkan rakyat tidak mengangkat senjata untuk menjatuhkan regim. Walaubagaimanapun, tindakan protes yang dilakukan sudah memadai untuk melumpuhkan sistem pentadbiran negara apabila bangunan-bangunan kerajaan seperti pejabat kementerian, penjara, sekolah dan universiti terpaksa ditangguhkan operasi akibat kekacauan yang berlaku. Sementara di Syria, Libya dan Yaman, bantahan yang pada mulanya disifatkan aman telah bertukar kepada pemberontakan bersenjata sehingga mengheret negara-negara tersebut ke kancan perang saudara. Berbalik kepada persepsi aktivis ABIM terhadap fenomena Arab Spring, hampir 80 peratus responden bersetuju bahawa

ianya merupakan suatu revolusi politik. 32 responden memilih untuk sangat bersetuju, diikuti 33 setuju dan 9 responden kurang pasti dengan kenyataan yang mengaitkan Arab Spring dengan revolusi. Baki 6 responden tidak bersetuju untuk melihat Arab Spring sebagai suatu revolusi politik. Jadual 5 di bawah memaparkan pilihan jawapan responden.

JADUAL 5. Persepsi Responden bahawa Peristiwa Arab Spring Merupakan Suatu Revolusi Politik

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	4	5.0
Tidak Setuju	2	2.5
Tidak Pasti	9	11.3
Setuju	33	41.3
Sangat Setuju	32	40.0
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Sebagaimana yang dapat dilihat menerusi Jadual 5 di atas, peratusan tertinggi adalah responden yang bersetuju dengan kenyataan bahawa Arab Spring adalah suatu revolusi politik. Arab Spring dan revolusi adalah fakta yang tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, para aktivis ABIM perlu melihat revolusi ini sama ada ianya bersifat kekerasan atau aman. Perbincangan diteruskan dengan meninjau persepsi responden terhadap Arab Spring sebagai demonstrasi aman.

ARAB SPRING SEBAGAI PERISTIWA BANTAHAN AWAM TANPA KEKERASAN

Bantahan awam tanpa kekerasan atau “*Non-violent civil resistance*” boleh difahami sebagai tindakan protes atau demonstrasi yang dilakukan rakyat bertujuan menyampaikan rasa tidak puas hati terhadap sebarang polisi dan perlakuan pihak berkuasa tanpa mengangkat senjata dan melibatkan pertumpahan darah (Della Porta & Diani 2006). Ia adalah satu pendekatan psikologi yang dipraktikkan semasa menghadapi tekanan pihak berkuasa dan apparatus kerajaan seperti polis dan tentera. Merujuk kepada peristiwa Arab Spring, hampir kesemua protes bermula secara aman di mana rakyat berkumpul dan berarak di jalan-jalan utama sambil membawa sepanduk, bendera negara dan sepanduk yang mengandungi mesej kepada pemerintah. Tuntutan protes pula berbeza di setiap negara yang terlibat. Sebagai contoh di Tunisia, Mesir dan Yaman, permintaan demonstran adalah berpusat kepada perletakan jawatan segera Ben Ali, Mubarak dan Ali Abdullah Saleh, manakala di Libya, Syria, Yaman, Bahrain, Algeria dan Maghribi, bantahan pada mulanya lebih bersifat tuntutan terhadap hak asasi rakyat, kebebasan berpolitik dan keadilan sosial kepada golongan kelas bawahan dan minoriti. Reaksi daripada pihak kerajaan, khususnya polis dan tentera memainkan peranan penting untuk menentukan natijah daripada bantahan-bantahan awam yang berlaku. Semasa bantahan awam di Tunisia dan Mesir pada 2010-2011, pihak tentera dilihat tidak menggunakan sebarang kekerasan untuk menyuraikan rakyat, malah ada yang turut menyertai protes sekali gus memberi harapan bahawa Presiden Ben Ali dan Mubarak bakal melepaskan jawatan yang dipegang sejak beberapa dekad manakala di Syria dan Libya, pihak tentera dilihat setia bersama Bashar dan Gaddafi sehingga berlaku pembunuhan para peserta demonstrasi yang mengakibatkan bantahan awam bertukar menjadi pemberontakan bersenjata. Apa yang pasti, perbezaan situasi di negara-negara yang terlibat pasti memberi kesan kepada pemerhati dalam mengaitkan Arab Spring dengan bantahan awam. Reaksi aktivis ABIM terhadap isu ini membenarkan kenyataan di atas apabila 67.5 peratus (54 orang) responden bersetuju bahawa Arab Spring merupakan peristiwa bantahan awam tanpa kekerasan. 22.5 peratus (18 orang) responden pula tidak pasti atau bersikap neutral manakala baki

10 peratus (8 orang) memilih untuk tidak bersetuju untuk melihat peristiwa Arab Spring sebagai protes aman. Jadual 6 memaparkan secara terperinci jawapan daripada setiap responden.

JADUAL 6. Persepsi Responden bahawa Arab Spring Merupakan Peristiwa Bantahan Awam Tanpa Kekerasan

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	4	5.0
Tidak Setuju	4	5.0
Tidak Pasti	18	22.5
Setuju	22	27.5
Sangat Setuju	32	40.0
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Hasil temu bual penyelidik dengan beberapa responden yang bersetuju dengan kenyataan Arab Spring sebagai bantahan awam tanpa kekerasan mendedahkan dua sebab utama pilihan tersebut. Pertama, Arab Spring di Tunisia, Mesir, Syria, Maghribi dan Bahrain disertai oleh kesemua lapisan masyarakat – golongan belia, pelajar, kakitangan awam dan swasta, warga emas, kanak-kanak dan juga orang kurang upaya. Adalah tidak adil untuk memberi suatu persepsi negatif terhadap usaha dan komitmen ‘aktor-aktor’ di atas dalam memperjuangkan tuntutan mereka. Kedua, bantahan awam yang bertukar kepada kekerasan seperti di Libya, Syria dan Yaman adalah disebabkan campur tangan negara asing yang mengambil kesempatan untuk melaga-lagakan kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan rakyat yang menentang. Jauh sekali dari pihak rakyat untuk mengangkat senjata melawan pihak pemerintah. Maka, dengan penjelasan tersebut, peratusan tinggi bagi kategori jawapan sangat setuju dan setuju adalah berasas.

ARAB SPRING SEBAGAI REAKSI TERHADAP KEZALIMAN POLITIK DAN KETIDAKSTABILAN EKONOMI

Sebelum meletusnya Arab Spring, rantau Timur Tengah dan Afrika Utara dianggap satu-satunya wilayah yang masih ‘selamat’ daripada gelombang pendemokrasian sehingga wujud terma “*The Arab exceptionalism*” oleh pengkaji politik Barat (Pratt 2007; Olimat 2011; Roy 2012). Majoriti negara-negara Arab mengamalkan pemerintahan

bercorak autokratik yang telah berlangsung selama beberapa dekad menerusi sistem monarki dan satu parti dominan. Perkembangan ekonomi juga tidak memberangsangkan walaupun ada peningkatan dari segi pendapatan per kapita dan pelaburan langsung asing dari tahun ke tahun. Hal demikian mengakibatkan kebanyakan pemerintah di Timur Tengah dan Afrika Utara (kecuali Turki, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Qatar) sukar menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk sejumlah besar rakyat terutamanya golongan belia dan graduan universiti. Kajian berkenaan kebangkitan dan kejatuhan presiden negara-negara Arab oleh Owen (2012) mendedahkan bahawa krisis ekonomi *Eurozone* sekitar 2009-2010 memburukkan lagi situasi di Tunisia, Algeria dan Mesir apabila rakan-rakan dagangan Eropah seperti Perancis, Portugal, Sepanyol, Itali dan Greece telah mengurangkan import komoditi dan aktiviti pelaburan langsung asing. Masalah ekonomi dan pengangguran yang meruncing telah meresahkan rakyat, khususnya golongan muda. Apabila isu salah guna kuasa dan kehidupan mewah keluarga pemimpin negara tersebar di media sosial, rakyat mula sedar bahawa mereka perlu bangkit memperjuangkan keadilan sosial. Sebagai contoh, skandal hartanah yang membabitkan Leila Trabelsi, isteri kepada bekas Presiden Tunisia telah menimbulkan perasaan amarah yang memuncak terhadap kepimpinan Ben Ali selain berita mengenai rancangan Mubarak di Mesir untuk mewariskan takhta presiden kepada anak lelaki beliau, Gamal Mubarak (Gelvin 2012). Di Libya pula, amalan '*crony capitalism*' telah dipraktikkan sejak sekian lama sehingga wujud istilah '*the ownership of Gaddafi's clan*' apabila hampir kesemua keluarga terdekat Gaddafi memegang kontrak-kontrak utama kerajaan yang dianggarkan bernilai puluhan billion U.S. Dollar terutamanya yang membabitkan industri minyak dan petroleum. Bagi ABIM, kesemua faktor-faktor yang dinyatakan dipersetujui sebagai punca utama berlakunya Arab Spring. Jadual 7 dan 8 memperincikan pandangan responden berkenaan krisis ekonomi dan kezaliman politik sebagai faktor yang menyumbang kepada kebangkitan rakyat di Timur Tengah dan Afrika Utara sekitar tahun 2010-2011.

JADUAL 7. Pandangan Responden bahawa Ketidakstabilan Ekonomi dan Krisis Pengangguran Menyumbang kepada Berlakunya Peristiwa Arab Spring

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Tidak Setuju	4	5.0
Tidak Pasti	3	3.8
Setuju	27	33.8
Sangat Setuju	46	57.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Sebagaimana yang dapat dilihat menerusi Jadual 7 di atas, 57.5 peratus responden sangat bersetuju dengan isu ketidakstabilan ekonomi sebagai pencetus kepada Arab Spring diikuti oleh 33.8 peratus responden yang turut bersetuju dengan kenyataan di atas. 3 orang responden (3.8 peratus) kurang pasti untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan isu pengangguran sebagai punca tercetusnya Arab Spring manakala baki 4 orang responden tidak bersetuju dengan mana-mana aspek (krisis ekonomi dan pengangguran) yang dinyatakan di atas.

JADUAL 8. Pandangan Responden bahawa Korupsi dan Kezaliman Politik Menyumbang kepada Berlakunya Peristiwa Arab Spring

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Tidak Setuju	4	5.0
Tidak Pasti	8	10.0
Setuju	29	36.3
Sangat Setuju	39	48.8
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Jadual 8 pula merekodkan peratusan responden yang memilih korupsi dan kezaliman politik sebagai pencetus kepada bantahan awam di Asia Barat. Majoriti aktivis ABIM, iaitu sekitar 68 orang berpandangan bahawa pemerintahan kuku besi pemimpin-pemimpin Arab telah menghidupkan kembali nadi perjuangan rakyat menerusi protes

jalanan Arab Spring. 8 orang responden tidak pasti sama ada korupsi dan kezaliman politik sebagai punca terjadinya revolusi rakyat. Baki 4 orang responden tidak menganggap bahawa elemen kediktatoran sebagai penyebab kepada Arab Spring. Kesemua fakta-fakta yang telah dibincangkan berhubung peristiwa Arab Spring mendapat reaksi yang berbeza dalam kalangan aktivis ABIM. Trend jawapan sangat setuju dan setuju adalah jelas menjadi pilihan majoriti responden apabila disoal berkaitan Arab Spring sebagai suatu revolusi politik dan bantahan awam tanpa kekerasan yang disebabkan oleh korupsi, krisis ekonomi dan juga ruang berpolitik yang sangat terbatas terhadap rakyat. Adakah fenomena Arab Spring ini mempengaruhi pemikiran para aktivis ABIM di tanah air? Bahagian seterusnya membicarakan persoalan ini dengan lebih lanjut.

PENGARUH ARAB SPRING TERHADAP ABIM

Sebagai sebuah organisasi badan bukan kerajaan yang membawa ideologi Islam dan mempunyai jaringan antarabangsa yang luas, perkembangan ABIM sentiasa dibayangi oleh perubahan yang berlaku di dunia Islam di peringkat global. Kajian oleh Funston (1985) menjelaskan bahawa kepimpinan ABIM pernah suatu ketika dipengaruhi kuat oleh elemen Islamisasi yang dipraktikkan oleh kerajaan republik Iran pasca revolusi 1979. Kajian ini disokong oleh bekas Presiden ABIM kelima, Ahmad Azam⁶ yang mengakui bahawa perkembangan ABIM sekitar 1980-1990an mendapat inspirasi daripada Revolusi Iran yang menentang dasar pembaratan Shah Iran. Temu bual penyelidik dengan bekas Pengerusi ABIM Perak, Haji Mohamad Mazuki mendedahkan bahawa Anwar Ibrahim (bekas setiausaha agung ABIM yang pertama dan presiden ABIM yang kedua) dan beberapa kepimpinan tertinggi ABIM pernah melawat Tehran dan bertemu Ayatollah Khomeini di Qom di atas kapasiti pemimpin NGO Islam di Malaysia sejour selepas penubuhan republik Islam di negara tersebut. Bertitik tolak daripada peristiwa ini, ABIM telah mengambil pendekatan yang agresif dalam kancah politik tanah air bagi tujuan merealisasikan agenda Islamisasi dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia, khususnya dari aspek dakwah dan pendidikan. Jika tahun-

tahun sekitar 1980 hingga 1990an menyaksikan fenomena Revolusi Iran 1979 telah mempengaruhi pemikiran dan aktivisme ahli-ahli ABIM, bagaimana pula dengan Revolusi Arab Spring yang meletus pada tahun 2011? Ditambah dengan kemenangan beberapa parti politik berhaluan Islam seperti Ennahda di Tunisia (2011-2014) dan FJP di Mesir dan Maghribi (2012-2013) di samping keadaan semasa di negara-negara yang terlibat dengan Arab Spring, peristiwa ini berkemungkinan memberi impak terhadap pemikiran para aktivis ABIM berhubung isu demokrasi, kestabilan politik dan wasatiyyah⁷. Berpandukan kepada tiga soalan utama yang diutarakan di dalam borang soal selidik, dapatan kajian berikut membincangkan pengaruh peristiwa Arab Spring terhadap aktivis ABIM.

DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA SEBAGAI MEDIUM TERBAIK MENENTUKAN HALA TUJU KEPIMPINAN NEGARA

Di antara topik yang hangat diperkatakan sejour berakhirnya siri protes jalanan dan tumbangnyanya regim-regim lama di Timur Tengah adalah masa depan demokrasi. Kajian Howard dan Hussein (2013) dan Abushouk (2016) cuba mengaitkan pasca Arab Spring dengan gelombang keempat pendemokrasian. Dalam melihat perkembangan demokrasi di Timur Tengah pasca Arab Spring, majoriti responden (83.8 peratus) berpandangan bahawa pilihan raya tetap menjadi pilihan terbaik untuk menentukan hala tuju kepimpinan sesebuah negara, termasuk di Malaysia. ABIM berkeyakinan bahawa sistem politik yang paling ideal untuk diaplikasikan di Malaysia dan rantau Asia Barat adalah sistem demokrasi, dengan syarat ia menjunjung tinggi prinsip keadilan politik dan sosial selari dengan penegasan di dalam ajaran Islam. ABIM juga menolak sekeras-kerasnya sistem kediktatoran sebagaimana yang pernah diamalkan oleh pemerintah-pemerintah Arab sebelum meletusnya Arab Spring. Perkara ini turut disokong oleh salah seorang aktivis ABIM yang ditemu bual, Ramdani Abd Karim⁸ yang berpendapat bahawa,

“Arab Spring adalah manifestasi prinsip demokrasi. Malaysia perlu memastikan prinsip demokrasi terus subur meskipun bukan melalui gerakan seperti Arab Spring”.

Hanya 13.8 peratus responden kurang pasti dengan keberkesanan konsep demokrasi dan pilihan raya untuk memilih tampuk kepimpinan negara manakala baki 2.5 peratus responden tidak bersetuju sama sekali dengan persoalan yang dibangkitkan. Jadual 9 di bawah meringkaskan reaksi aktivis ABIM berhubung pengaruh terhadap penerimaan demokrasi sebagai medium terbaik untuk hala tuju politik negara.

JADUAL 9. Pandangan Responden Bahawa Demokrasi dan Pilihan Raya Sebagai Medium Terbaik Menentukan Hala Tuju Kepimpinan Negara

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Tidak Setuju	2	2.5
Tidak Pasti	11	13.8
Setuju	41	51.3
Sangat Setuju	26	32.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

TUNTUTAN WASATIYYAH TERHADAP AKTIVITI DAKWAH DAN POLITIK OLEH GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pasca peristiwa Arab Spring turut mempengaruhi pemikiran aktivis ABIM berhubung tuntutan mempraktikkan pendekatan wasatiyyah dalam dakwah dan politik. Wasatiyyah dari perspektif politik secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai kesederhanaan, berpatutan, tidak ekstrem, keadilan dan kesaksamaan dalam berpolitik dan menggunakan kuasa. Pendekatan wasatiyyah turut menekankan kepada ajaran Islam secara sederhana, berimbang dan syumul dalam semua kegiatan hidup individu dan masyarakat. Pasca Arab Spring telah menyaksikan beberapa insiden keganasan telah dikaitkan dengan gerakan Islam ekstremis sebagai contoh pembunuhan bermotif terhadap dua ahli politik pembangkang di Tunisia, Cokhri Belaid dan Mohamed Brahmi pada tahun 2013. Di Kaherah, kepimpinan parti Ikhwan (FJP) pasca kejatuhan Mubarak juga dikecam kerana cuba mengimplementasikan model politik Islam di kala rakyat masih sengsara dengan krisis ekonomi, pengangguran dan kenaikan harga komoditi yang berterusan. Kumpulan-kumpulan aliran sekular dan kiri turut diketepikan sekali gus menjelmakan

protes besar-besaran kedua pada Jun 2013 yang mengakibatkan berlakunya tragedi kudeta (Hardy 2013). Kenyataan ini turut disokong oleh salah seorang responden yang ditemu bual, Raduan Mat Taib⁹ yang mengatakan,

“Arab Spring di Mesir pada awalnya membuahkan hasil yang baik, tetapi kerana sikap terburu-buru (dalam mempromosikan politik Islam dan Sharia) telah mengakibatkan kerajaan Morsi digulingkan oleh regim yang lebih zalim”.

Berdasarkan kepada Jadual 10 adalah tidak menghairankan apabila sejumlah besar responden (81.3 peratus) bersetuju bahawa pasca Arab Spring telah ‘mengajar’ para aktivis ABIM untuk lebih bersikap inklusif dan terbuka dalam berpolitik dan berdakwah. 13 orang responden kurang pasti dengan persoalan yang diutarakan manakala 2 orang responden menolak sama sekali hubungan di antara Arab Spring dengan tuntutan wasatiyyah.

JADUAL 10. Pandangan Responden bahawa Pasca Peristiwa Arab Spring Menuntut Gerakan Islam di Malaysia untuk Lebih Bersederhana Dan Bersikap Inklusif

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Tidak Setuju	2	2.5
Tidak Pasti	13	16.3
Setuju	35	43.8
Sangat Setuju	30	37.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Pasca Arab Spring di Timur Tengah sememangnya memberi kesan terhadap cara berfikir dan sisi pandang ahli-ahli ABIM terhadap isu politik dan wasatiyyah. Memetik kata-kata aktivis senior ABIM yang di temubual, Razali Salleh¹⁰;

“Peristiwa Arab Spring mengajar kita (ABIM) bahawa perjuangan memartabatkan Islam mesti dibuat melalui dakwah yang berhikmah, bukan memaksa, melabel, mengutuk dan lain-lain yang tidak mencerminkan akhlak Islam. Kita (ABIM) mesti mencari dan mendampingi seramai mungkin orang Islam dan bukan Islam, bukannya mewujudkan jurang dengan kumpulan-kumpulan yang tidak sealiran”.

**KEUTAMAAN UNTUK MENGEKALKAN
KESTABILAN POLITIK**

Pasca peristiwa Arab Spring telah menyaksikan situasi tidak menentu berlaku kepada negara-negara di rantau Timur Tengah. Sehingga kajian ini dijalankan, hanya Tunisia dianggap satu-satunya produk Arab Spring yang berjaya membawa harapan positif ke arah perubahan politik, ekonomi dan sosial (Hill 2016). Di Libya, situasi politik semasa masih tidak stabil walaupun legasi Gaddafi selama 42 tahun telah lama dipadamkan sejak kematian beliau pada Oktober 2011. Di Mesir, keputusan mahkamah untuk mengenakan hukuman mati ke atas 188 penyokong Ikhwanul Muslimin termasuk bekas presiden, Mohamad Morsi yang terbabit dalam protes Jun 2013 telah dikecam hebat oleh masyarakat antarabangsa yang menyifatkan tindakan tersebut sebagai lebih zalim berbanding ketika era pemerintahan presiden-presiden Mesir yang terdahulu. Di Syria dan Yaman, perang sivil di antara kumpulan penentang dan penyokong kerajaan telah dikeruhkan lagi oleh tindakan agresif pihak tentera yang memihak kepada kumpulan pro-regim di samping campur tangan kuasa-kuasa ketenteraan asing seperti Rusia, Amerika Syarikat, Iran dan Arab Saudi. Rentetan daripada insiden pasca Arab Spring ini telah menimbulkan dua persoalan utama; 1) adakah dunia Arab lebih stabil sebelum meletusnya siri kebangkitan rakyat 2011? 2) adakah berbaloi untuk rakyat mengadakan protes jalanan secara agresif di negara yang stabil dengan matlamat menjatuhkan kerajaan yang dianggap korup dan tidak demokratik? Bagi aktivis ABIM, reaksi kepada soalan pertama adalah seimbang di mana 43.8 peratus responden bersetuju bahawa kondisi politik adalah lebih aman di rantau Timur Tengah sebelum berlakunya Arab Spring manakala 40 peratus responden mempunyai pandangan yang bertentangan. Baki 16.3 peratus responden memilih untuk bersikap neutral dengan persoalan tersebut. Antara hujah yang dibangkitkan oleh para responden bagi menyokong persoalan ini adalah sebelum meletusnya Arab Spring, rakyat masih dapat meneruskan kelangsungan hidup secara normal, tiada unsur-unsur ketakutan (*intimidation*), ketidakpastian (*uncertainty*), kebuluran dan pembunuhan. Malah bagi sesetengah negara seperti Libya yang kaya dengan hasil petroleum, masalah kemiskinan dan kemelaratan bukanlah suatu isu

yang utama jika dibandingkan dengan jiran-jiran Afrika dan Arab yang lebih mundur seperti Yaman, Mesir dan Algeria. Hujah sebahagian aktivis ABIM untuk menolak kenyataan di atas pula adalah berpusat kepada sejarah rantau Asia Barat yang sering diwarnai dengan pelbagai siri konflik seperti Perang Arab-Israel 1967 dan 1973, Perang Iran-Iraq 1980, Perang Teluk 1990, Perang Saudara di Algeria 1993, penaklukan Amerika di Iraq 2003 dan lain-lain lagi. Pendek kata, tiada perbezaan yang ketara jika ditinjau tahap kestabilan dunia Arab sebelum dan selepas meletusnya Arab Spring. Jadual 11 di bawah memaparkan pilihan jawapan responden dengan lebih lanjut.

JADUAL 11. Persepsi Responden bahawa Dunia Arab adalah Lebih Stabil Sebelum Tercetusnya Peristiwa Arab Spring

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	10	12.5
Tidak Setuju	22	27.5
Tidak Pasti	13	16.3
Setuju	21	26.3
Sangat Setuju	14	17.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Bagi soalan kedua pula, kebanyakan aktivis ABIM (51.3 peratus) menyokong kestabilan politik berbanding cubaan menumbangkan kerajaan melalui jalan demonstrasi. 23.8 peratus responden tidak bersetuju manakala 25 peratus mempunyai jawapan yang berbelah bahagi sama ada bersetuju atau tidak setuju. Jadual 12 menunjukkan pilihan jawapan bagi persoalan yang dibincangkan di atas.

JADUAL 12. Pandangan Responden bahawa Kestabilan Politik adalah Lebih Mustahak untuk Dikekalkan Berbanding Usaha Menukar Regim Pemerintah Secara Protes Jalanan

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sangat Tidak Setuju	11	13.8
Tidak Setuju	8	10.0
Tidak Pasti	20	25.0
Setuju	23	28.8
Sangat Setuju	18	22.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2016

Berdasarkan Jadual 12, jelas dilihat bahawa keperluan untuk mengekalkan suasana politik yang aman, stabil dan terurus menjadi pilihan majoriti para aktivis ABIM walaupun terdapat beberapa siri demonstrasi “Bersih” yang dijalankan di tanah air bertujuan menekan kepimpinan kerajaan sedia ada yang sering dikaitkan dengan korupsi, rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah, manipulasi pilihan raya dan keterbatasan hak berpolitik untuk blok pembangkang. Walaupun Malaysia masih belum mencapai status demokrasi liberal (mengikut perkiraan Freedom House) dan dikategorikan sebagai ‘separa demokrasi’ oleh beberapa sarjana seperti Diamond (2012) dan Case (2017), ABIM berpendirian bahawa pertimbangan di antara kebaikan dan kemudaratan jangka masa panjang perlu dikenal pasti dengan sebaik-baiknya sebelum sesuatu perkara dilakukan seperti usaha menggulingkan kerajaan menerusi bantahan awam. Sebagaimana Revolusi Iran 1979 telah ‘mengajar’ ABIM beberapa perkara berhubung politik dan agenda Islamisasi, peristiwa Arab Spring juga memberi iktibar dan pengajaran. Bahagian berikutnya membicarakan aspek positif dan negatif daripada Arab Spring dan pengajarannya kepada gerakan Islam di Malaysia, khususnya ABIM.

SISI BAIK DAN BURUK DARIPADA PERISTIWA ARAB SPRING: PENGAJARAN KEPADA GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA

Jika di Barat, ungkapan popular “*The good, the bad and the ugly*” adalah sinonim dengan cerminan karakter (positif dan negatif) seseorang, maka peristiwa Arab Spring juga memiliki aspek baik dan buruk yang boleh diteladani. Menurut penganalisis politik Timur Tengah, Hardy (2013), terdapat 4 pengajaran utama daripada peristiwa Arab Spring. Pertama, transisi politik dan usaha ke arah sistem demokrasi (pendemokrasian) mustahil berlaku dalam satu malam. Ia mengambil masa yang lama sebelum mencapai tahap konsolidasi dan matang. Arab Spring, menurut beliau lebih sesuai dianggap sebagai suatu ‘proses’ berbanding peristiwa. Kedua, suasana politik dan kondisi masyarakat yang rencam di antara sesebuah negara akan memberi natijah yang berbeza (*different circumstances produce different outcomes*). Hal ini sangat ketara apabila tidak semua negara yang terbabit dengan gelombang kebangkitan

rakyat Arab mencapai matlamat asal protes iaitu tuntutan ke arah perubahan dan kualiti hidup yang lebih baik. Aktivis ABIM, Abd Rahman Darus¹¹ menyokong kenyataan ini dengan mengatakan “*situasi kebangkitan rakyat sangat dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan dalaman. Adalah sukar untuk mewujudkan situasi yang sama di negara-negara lain walaupun untuk tujuan yang sama*”. Ketiga, parti berhaluan Islam seolah-olah masih di persimpangan (*the Islamists are at a crossroads*) di antara mempertahankan kedudukan dan kuasa politik atau memelihara ideologi dan pendekatan parti. Senario yang berlaku kepada Ennahda di Tunisia dan FJP di Mesir telah membuktikan kenyataan ini. Keempat, ‘kuasa rakyat’ menerusi protes jalanan masih terbatas (*people power is not enough*) dan belum mencukupi untuk mengubah landskap politik di sesebuah negara. Perkara ini disokong oleh majoriti aktivis ABIM (51 responden) yang berpandangan bahawa protes jalanan dan bantahan awam sebagaimana yang berlaku semasa peristiwa Arab Spring tidak menjamin transisi politik yang baik, lebih-lebih lagi jika ia dilakukan di Malaysia. Walau bagaimanapun, keadilan juga wajar diberi kepada aktor-aktor yang terlibat semasa peristiwa kebangkitan rakyat 2011 di mana mereka telah berjuang menuntut keadilan dan hak-hak sivil rakyat yang sering dicabuli di bawah pemerintahan diktator-diktator Arab. Protes jalanan yang agresif mungkin menjadi pilihan terakhir untuk menamatkan episod kezaliman dan kediktatoran seperti yang dilakukan oleh rakyat Tunisia. Sebagaimana yang dinyatakan oleh wakil ABIM Perak, Mohamad Saifuddin¹²;

“Peristiwa Arab Spring membuka mata kebanyakan umat Islam di seluruh dunia, khususnya di Malaysia dalam membuktikan kebanyakan negara masih lagi tidak mengamalkan keterbukaan dari pelbagai aspek (politik, ekonomi, sosial). Hal ini menyebabkan rakyat terpaksa turun ke jalanan untuk menyuarakan ketidakpuasan hati pada pemerintah”.

Sami Ben Hassine (2012: 216), turut senada dengan menggambarkan suasana Arab Spring di Tunisia sebagai:

“...(and) for the first time, we see the opportunity to take revenge on the ‘royal’ family who has taken everything. Our youth is tired and ready to sacrifice all the symbols of the former autocratic Tunisia with new revolution: The Jasmine Revolution – the true one...”

Aspek positif dan negatif daripada peristiwa Arab Spring ini tidak dapat dinafikan sebagai sesuatu yang subjektif dan bergantung pada perspektif yang dinilai. Namun demikian, 95 peratus responden (76 orang) bersetuju bahawa Arab Spring wajar menjadi iktibar dan pengajaran kepada gerakan Islam dan parti politik di Malaysia, khususnya ABIM. Berikut merupakan sebahagian daripada ringkasan inti pati penting hasil temu bual penulis dengan beberapa aktivis ABIM¹³.

1. *“Politik Malaysia perlu mengambil pengajaran daripada peristiwa Arab Spring”*
2. *“Arab Spring patut didedahkan kepada masyarakat dan pihak yang sewajarnya dengan fakta yang tepat”*
3. *“Arab Spring tidak patut dijadikan contoh ikutan, tetapi lebih bermakna jika dijadikan sebagai iktibar dan pengajaran”*

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, selari dengan gelaran ‘jurubicara ummah’ di Malaysia, ABIM terbukti cakna terhadap isu-isu semasa yang membabitkan kemaslahatan masyarakat sama ada di dalam mahupun luar negara. Tanggapan majoriti aktivis ABIM bahawa Arab Spring merupakan suatu revolusi politik yang melibatkan bantahan awam tanpa kekerasan mempunyai hujah yang kukuh selaras dengan kajian-kajian daripada penganalisis politik Timur Tengah. Rata-rata ahli-ahli ABIM berpendirian bahawa peristiwa Arab Spring berpunca daripada kekecewaan rakyat marhaen terhadap pemerintahan autokrasi yang begitu lama di amalkan di dunia Arab di samping krisis ekonomi, pengangguran belia yang berleluasa dan bebanan rakyat terhadap kenaikan kos sara hidup. Impak daripada peristiwa Arab Spring telah mengukuhkan keyakinan aktivis ABIM bahawa demokrasi dan pilihan raya yang bebas dan adil adalah medium terbaik untuk menentukan perubahan landskap politik negara. Bagi ABIM, Arab Spring telah memberi pengajaran di mana kestabilan politik adalah suatu ‘aset’ yang sangat berharga kepada sesebuah negara. Kebanyakan aktivis ABIM berpandangan bahawa protes jalanan dan demonstrasi awam untuk menentang kerajaan yang dianggap zalim tidak menjamin transisi politik yang berkesan dan wajar dilakukan

sekiranya ia mampu menggugat keamanan negara. Pertimbangan di antara kebaikan dan kemudaratan wajar dinilai sebelum sesuatu tindakan dilakukan. Arab Spring juga telah memberi iktibar kepada majoriti responden bahawa gerakan dan parti politik Islam moden perlu bersifat terbuka dengan penekanan kepada amalan politik Wasatiyyah dalam merealisasikan objektif dan matlamat perjuangan ABIM di tanah air.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh geran khas universiti penyelidikan GUP-2013-050 “Persepsi dan Pengaruh ‘Arab Spring’ di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia”.

NOTA Hujung

- ¹ Menurut Mohamed Anwar Mohamed Anwar Omar Din, Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Mat Zin Mat Kib dan Junaidi Abu Bakar (2017), agenda Islamisasi di Malaysia berkembang secara tidak langsung menerusi Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Reid 27 pada September 1956 yang seterusnya membawa kepada pemaktuban Perkara 3 di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.
- ² Pihak kerajaan, dalam satu kenyataan telah memberi amaran tentang potensi bantahan awam ala-Arab Spring di Malaysia yang dikatakan cuba dilakukan oleh pakatan pembangkang dan peserta-peserta demonstrasi BERSIH, Perdana Menteri Malaysia Najib Razak, menerusi wawancara dengan pihak BBC (*The British Broadcasting Corporation*) di United Kingdom turut menegaskan bahawa tiada sebab mengapa demonstrasi ala-Arab Spring perlu diadakan di Malaysia. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman sesawang berikut;
<https://www.theguardian.com/world/2011/nov/30/malaysia-goverment-opposition-arab-spring>
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/hiburan/tiada-alasan-bantahan-ala-arab-spring-1.178519>
<https://www.malaysiakini.com/news/196032>
<http://www.abim.org.my/berita-program/abim-pusat/item/878-bersih-4-0-kami-mahukan-masa-depan-yang-lebih-baik-untuk-malaysia-presiden-abim.html>

- ³ ABIM. 2015. BERSIH 4.0:- Kami Mahukan Masa Depan Yang Lebih Baik Untuk Malaysia! :- Presiden ABIM.
<http://www.abim.org.my/berita-program/abim-pusat/item/878-bersih-4-0-kami-mahukan-masa-depan-yang-lebih-baik-untuk-malaysia-presiden-abim.html>
- ⁴ Di antara gerakan Islam di seluruh dunia yang terpengaruh dengan perjuangan Hasan al-Banna adalah Partai Keadilan Sejahtera (PKS) di Indonesia, *Harakat al-Muqāwamah al-Islāmiyyah* (HAMAS) di Palestin, Ennahda di Tunisia. Di Malaysia, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) turut mengambil inspirasi Ikhwanul Muslimin di Mesir. Rujukan lanjut: Syahrul Hidayat (2012), Edwards-Beverly & Farrell (2013), Wolfe (2017) and Noor (2013).
- ⁵ Menurut Salmi Edward dan Wan Kamal Mujani (2015), istilah ‘Arab Spring’ pertama kali muncul menerusi artikel yang dikeluarkan oleh March Lynch (profesor Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa di Universiti George Washington) yang cuba menyamakan kebangkitan Arab dengan revolusi rakyat di Eropah yang terkenal dengan jolokan “Spring of Nations”, “People’s Spring” dan “Springtime of the People”. Dari perspektif akademik, istilah Arab Spring merujuk kepada siri protes anti kerajaan yang berlaku di Timur Tengah dan Afrika Utara bermula di Tunisia pada Disember 2010 sehingga kejatuhan Ali Abdullah Saleh di Yaman pada Februari 2012. Selepas daripada tempoh tersebut, segala peristiwa yang berlaku di negara-negara terbabit di istilahkan sebagai pasca Arab Spring (the post-Arab Spring). Maklumat lanjut: Sadiki (2015).
- ⁶ Kajian lapangan bertempat di Seminar Masa Depan Kebangkitan Islam Bersempena Mukhtamar Sanawi Kali ke-45 ABIM, Universiti Selangor, Shah Alam, 29 Oktober 2016. Intipati syarahan oleh bekas Presiden ABIM ke-5, Ahmad Azam Abd Rahman telah dicatat oleh penyelidik semasa sesi pembentangan bertajuk “Kebangkitan Islam di Malaysia: Ibrah dari Pengalaman Gerakan Islam Antarabangsa”.
- ⁷ Istilah Wasatiyyah ialah berasal daripada kata dasar (طسو) iaitu pertengahan atau sederhana. Menurut Ahmed Omar Hashem (2005) dalam bukunya *Moderation in Islam*, beliau mendefinisikan Wasatiyyah dengan apa-apa yang berada di tengah supaya tidak ada satu pun yang berlebihan atau melampau. Ini bermakna bukan menokok tambah atau terlalu keterlaluan dan bukan juga berlebih-lebihan.
- ⁸ Temubual peribadi dengan aktivis ABIM, Ramdani Abd Karim oleh penyelidik. Shah Alam, 29 Oktober 2016.
- ⁹ Temubual peribadi dengan aktivis ABIM, Raduan Mat Taib oleh penyelidik. Shah Alam, 29 Oktober 2016.
- ¹⁰ Temubual peribadi dengan aktivis ABIM, Razali Salleh oleh penyelidik. Bangi, 2 November 2016.
- ¹¹ Temubual peribadi dengan aktivis ABIM, Abd Rahman Darus oleh penyelidik. Bangi, 2 November 2016.
- ¹² Temubual peribadi dengan aktivis ABIM, Mohamad Saifuddin oleh penyelidik. Masjid Negeri Ipoh, 15 November 2016.
- ¹³ Kajian lapangan bertempat di pejabat ABIM Cawangan Taiping, Perak, 22 November 2016.

RUJUKAN

- Abushouk, A.I. 2016. The Arab Spring: A fourth wave of democratization? *Digest of Middle East Studies* 25 (1) 52-69.
- Ahmed Omar Hashem. 2005. *Moderation in Islam*. Cairo: Ain Shams University.
- Al-Anani, K. 2012. Islamist Parties Post-Arab Spring. *Mediterranean Politics* 17(3): 466-472.
- Case, W. 2017. Stress testing leadership in Malaysia: The 1MDB scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review* 17 (1): 75-82.
- Cavatorta, F. 2015. No democratic change...and yet no authoritarian continuity: The inter paradigm debate and North Africa after the uprisings. *British Journal of Middle Eastern Studies* 42 (1): 135-145.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative & Mixed Methods Approaches*. 4th edition. Los Angeles: Sage.
- Diamond, L. 2012. The coming wave: China and East Asian democracy. *Journal of Democracy* 23 (1): 5-13.

- Della Porta, D. & Diani, M. 2006. *Social Movement: An Introduction*. 2nd edition. Victoria: Blackwell Publishing.
- Edwards-Beverly, M. & Farrell, S. 2013. *Hamas: The Islamic Resistance Movement*. Cambridge: Polity Press
- Esposito, J. L. & Piscatori, J. 1990. Introduction in *The Iranian Revolution: Its Global Impact*, edited by J. L. Esposito, 1-17. Florida: University Presses of Florida.
- Funston, J.N. 1985. The Politics of Islamic Reassertion in Malaysia. In *Reading on Islam in Southeast Asia*, edited by Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique and Yasmin Hussain, 171-179. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ghanem, H. 2016. *The Arab Spring Five Years Later: Toward Greater Inclusiveness*. Washington: Brookings Institution Press.
- Gelvin, J. L. 2012. *The Arab Uprisings: What Everyone Needs to Know*. Oxford: Oxford University Press.
- Hill, J. N. C. 2016. *Democratisation in the Maghreb*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Hardy, R. 2013. Democracy or disorder? The four lessons of the Arab Spring. <http://www.bbc.co.uk/news/world-middle-east-23266790>. Retrieved on: 22 June 2016.
- Hinnebusch, R. 2015. Change and continuity after the Arab Uprising: The consequences of state formation in Arab North African States. *British Journal of Middle Eastern Studies* 42 (1): 12-30.
- Howard, P. N. & Hussain, M.M. 2013. *Democracy's Fourth Wave? Digital Media and the Arab Spring*. Oxford: Oxford University Press.
- Karakoç, J. 2015. *Authoritarianism in the Middle East: Before and After the Arab Uprisings*. London: Palgrave Macmillan.
- Krejcie, V.R. & Morgan, W.D. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Liow, J.C. 2009. *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Lotan, G. Graeff, E., Ananny, M., Gaffney, D., Pearce, I., & Boyd, D. 2011. The revolution were tweeted: Information flows during the 2011 Tunisian and Egyptian revolutions. *International Journal of Communication* 5: 1375-1405.
- Marzouki, Y., Skandrani-Marzouki, I., Bejaoui, M., Hammoudi, H., & Bellaj, T. 2012. The contribution of Facebook to the 2011 Tunisian Revolution: A cyberpsychological insight. *Cyberpsychology, Behaviour and Social Networking* 15 (5): 237-244.
- Mandaville, P. 2014. *Islam and Politics*. 2nd edition. New York: Routledge.
- Olimat, M. 2011. The fourth wave: Revolution and democratization in the Arab Middle East. *Journal of International Women's Studies* 12 (3): 1-6.
- Moaddel, M. & Gelfand, M. J. 2017. *Values, Political Action, and Change in the Middle East and the Arab Spring*. Oxford: Oxford University Press
- Mohamed Anwar Omar Din, Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Mat Zin Mat Kib & Junaidi Abu Bakar. 2017. Peranan UMNO menegakkan Islam dalam perlembagaan persekutuan: Satu kajian secara kronologikal. *Akademika* 87(1): 91-109.
- Mohd Azhar Bahari & Ishak Saat. 2004. *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1971-2004*. Johor: Penerbit UTHM
- Noor, F.A. 2013. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Noueihed, L. & Warren, A. 2012. *The Battle for the Arab Spring: Revolution, Counter-Revolution and the Making of a New Era*. New Haven: Yale University Press.
- Osman Bakar. 2012. The Arab Spring: Malaysian responses. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. 743-746.
- Owen, R. 2012. *The Rise and Fall of Arab Presidents for Life*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Pratt, N. 2007. *Democracy and Authoritarianism in the Arab World*. Colorado: Lynne Rienner
- Roy, O. 2012. The Transformation of the Arab World. *Journal of Democracy* 23 (3): 5-18.
- Sadiki, L. 2015. Towards a 'Democratic Knowledge' turn? Knowledge production in the age of The Arab Spring. *The Journal of North African Studies* 20 (5): 702-721.
- Salmi Edward & Wan Kamal Mujani. 2015. 'Arab Spring': Faktor, Kesan dan Pengaruhnya Terhadap Masyarakat di Malaysia. Dlm. 'Arab Spring': Faktor Dan Impak, disunting oleh Wan Kamal Mujani & Siti Nurulizah Musa,

- 94-106. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Sami Ben Hassine. 2012. Tunisia: We finally have a revolution in our mind. In *The Arab Spring: Rebellion, Revolution and a New World Order*, edited by Manhire, Toby London: Guardianbooks.
- Syahrul Hidayat. 2012. Managing Moderation: The Case of AKP in Turkey and PKS in Indonesia. PhD Thesis. University of Exeter.
- Wolfe, A. 2017. *Political Islam in Tunisia: The History of Ennahda*. London: C. Hurst & Co.

Mohd Irwan Syazli Saidin
History, Politics and Security Research Centre
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: irwansyazli@ukm.edu.my

Received: 4 April 2017

Accepted: 13 December 2017